

28 SEP 2003

BONUS DIBAYAR DUA BAHAGIAN, PADA BULAN RAMADHAN DAN SEBELUM SEKOLAH
DIBUKA

ROMPIN, 28 Sept (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis berkata bonus setengah bulan gaji bagi kakitangan kerajaan akan dibayar pada dua bahagian, perayaan Aidilfitri dan juga pembukaan sesi penggal persekolahan.

"Kerajaan akan menentukan tarikh bayaran bonus, dijangka hujung tahun ini, IsnyaAllah bulan ramadhan dan (sempena) buka sekolah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutupan Pertandingan Memancing GP Joran anjuran akhbar Berita Harian sini hari ini.

Majlis berkenaan dirasmikan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, seramai 1,400 orang peserta menyertai pertandingan tersebut untuk kategori laut dalam dan persisir pantai. Seramai 1,400 peserta menyertai pertandingan itu yang dirasmikan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

Ditanya mengenai kaedah pembayaran bonus setengah bulan gaji itu, beliau berkata kaedah pada pemberian bonus sebelum ini akan digunakan dan keputusan akan dibuat tidak lama lagi, katanya.

Mengenai sama ada pembayaran akan dibayar sekaligus atau berperingkat-peringkat, Jamaluddin berkata kerajaan akan mempertimbangkan perkara berkenaan dengan mengambilkira dua faktor itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2004 di Parlimen pada 12 Sept lepas mengumumkan kakitangan awam akan diberi bonus setengah bulan gaji.

-- BERNAMA

MS BK